

SYARAT PERMOHONAN JAWATAN KAKITANGAN AKADEMIK DI UKM

I Syarat-syarat Pelantikan Pensyarah Universiti DS45

1. Kelayakan

- (a) Memperolehi kelayakan **Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana** yang cemerlang.
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (dikecualikan bagi calon Bukan Warganegara Malaysia).
- (c) Sedang mencari tempat/telah mendapat tawaran/atau sedang melanjutkan pengajian di Universiti yang terkemuka.

2. Jadual Gaji

DS45: RM2,878.00 – RM10,285.00

3. Taraf Perkhidmatan

Sementara

4. Umur

Calon bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun pada tarikh tawaran.

II Syarat-syarat Pelantikan Pensyarah Universiti/Felo DS51

1. Kelayakan

- (a) Ijazah Doktor Falsafah Ph.D atau Sarjana Kepakaran dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (dikecualikan bagi calon Bukan Warganegara Malaysia).
- (e) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang tinggi mutunya:
 - i. **menerbitkan satu** penulisan dalam jurnal atau sebuah buku sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Gred 51 atau semasa berkhidmat sebagai Tutor atau Pensyarah Sementara atau pengajian di peringkat Ph.D atau Sarjana Kepakaran;
 - ii. telah **membentang kertas kerja** sekurang-kurangnya sekali dalam **persidangan** dalam bidang pengajian dan
 - iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang yang berkenaan.
 - a. pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan bagi satu tempoh yang bersesuaian atau pengalaman menjalankan penyelidikan dalam bidang berkenaan untuk satu tempoh yang bersesuaian sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Gred 51 atau semasa dilantik sebagai Tutor atau Pensyarah Sementara atau pengajian di peringkat Ph.D atau Sarjana Kepakaran.

2. Jadual Gaji

DS51: RM5,637.00 – RM11,285.00

5. Taraf Perkhidmatan

Tetap/Kontrak

6. Umur

Calon bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan. Bagi calon bukan warganegara, had umur minimum ialah 27 tahun.

III Syarat-syarat Pelantikan Prof. Madya DS53

1. Kelayakan Asas

1.1 Kelayakan Akademik

- (a) Ijazah PhD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (b) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya;
 - i. **menerbitkan sepuluh (10) penulisan** artikel dalam jurnal atau bab dalam buku setelah dilantik ke jawatan Pensyarah Gred 51 atau semasa berkhidmat; dan
 - ii. telah **membentang kertas kerja sepuluh (10)** di dalam persidangan dalam bidang pengajian.
- (c) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.

1.2 Keperluan Bahasa

Kepujian dalam Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (dikecualikan bagi Bukan Warganegara)

2. Jadual Gaji

DS53: RM5,922.00 – RM11,955.00

3. Taraf Perkhidmatan

Tetap/Kontrak

4. Umur

Calon bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan. Bagi calon bukan warganegara, had umur minimum ialah 27 tahun.